



# SUARA BANDARAYA

April 1989

ISSN 0128-1194



## Sebuah Lagi Taman Rekreasi Taman Tasik Permaisuri

Wargakota amnya, dan penduduk Bandar Tun Razak khasnya, kini dapat menikmati sebuah lagi tempat beristirehat yang indah dan permai, dengan terbinanya Taman Tasik Permaisuri di Bandar Tun Razak, 15 km dari pusat bandar Kuala Lumpur.

Taman Tasik Permaisuri seluas 49.4 hektar itu telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong ke 8 pada 2 April lalu. Namanya mengambil sempena gelaran Baginda yang menjadi pendorong pembangunan status wanita di Malaysia, dan sebagai menghargai peranan yang dimainkan oleh golongan wanita dalam mengekalkan keharmonian kaum di negara ini.

Dalam titah ucapannya, Baginda mencadangkan supaya ketataan kepada ibubapa dijadikan Rukunegara keenam, kerana ibubapa memainkan peranan penting dalam memastikan generasi akan datang berbudi pekerti, taat dan berjiwa patriotik.

Terdahulu daripada itu, Dato' Elyas Omar, Datuk Bandar Kuala Lumpur, berkata bahawa pembinaan taman ini adalah sebahagian daripada rancangan untuk membangunkan Bandar Tun Razak sebagai sebuah bandar satelit di dalam Bandaraya Kuala Lumpur mengikut konsep "a city within a city".

Menurut beliau, beberapa rancangan telah dibuat bagi melaksanakan satu projek bernilai \$100 juta untuk membina rumah-rumah kos bertengahan dan kos tinggi di keliling taman tasik ini, sebuah pusat bandar dan sebuah padang golf yang akan mengejutkan kawasan perumahan yang berbentuk sebuah taman.



Keberangkatan tiba DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong disambut oleh Dato' Elyas Omar.



Laman Puteri yang mempunyai rekabentuk yang unik.

# SUARA BANDARAYA

## EDITORIAL

Penasihat  
Abu Bakar Effendie

Editor  
Zarina Ahmad Osman

Penolong Editor  
Mohamed Hashim Hj. Mohd. Ali  
Jennifer Vincent

Jurufoto  
Mubarak Mohd. Atan  
Abd. Rhani Mohd. Sohor

Pemberita  
Wan Abdullah Wan Abd. Ghani  
  
Haliza Khalil  
(Pelatih ITM)

## SUMBANGAN

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana dan karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya.

Sumbangan ini boleh disampaikan kepada:

## EDITOR

Suara Bandaraya  
Bahagian Hal Ehwal Awam  
Urusetia Bandaraya  
Tingkat 6,  
Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
Jalan Raja Selangor  
50350 KUALA LUMPUR  
Telefon: 2916011 Sambungan 147/432/122

## PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

## Kandungan

Sebuah Lagi Taman Rekreasi	1
Dari Meja Datuk Bandar	3
Projek Rekreasi Tasik Desa	4
Pustaka Peringatan Menimba Ilmu	5
Dato' Elyas Omar Terima Anugerah DSSA	6
DBKL Tubuh Skuad Berbudi Bahasa	7
Blok 26 Tercantik Di Rumah Pangsa Sri Melaka	8
Rumah Pangsa Ambil Anak Angkat	10
Industri Kecil Tingkatkan Ekonomi Penghuni	11
Meja Fibre Glass Elak Kekotoran	12
Pembangunan Penjaja Serampang Tiga Mata	
Penjual Keputusan Tergugat	13
Silang Gemilang Di Tasik Permaisuri	14
Meningkatkan Kejayaan Kelab Umi Cawangan Cheras Berpindah	16
Profail – Dramatis Zakaria Yusof	17
Pertukaran	18
Mencari Pengalaman Di Pantai Timur	19
“Kuala Lumpur: Menara Lama, Impian Baru”	20
Puasa Melatih Diri Melawan Nafsu	
Seri Paduka Rasmi Masjid	22
Membina Keluarga Bahagia	23
Kraftangan Kampung Di Kota Raya	24
Anugerah Sukan DBKL 1988	25
Bangunan Baru Untuk Kelab Sukan DBKL	26
Jimnasium Rakyat Tambah Kemudahan	
Dato' Elyas – Tokoh Sukan 1988	28



Editorial and Design Consultant:  
Shahreen Corporate Communications Sdn Bhd

Printed by:  
Microm Sdn. Berhad  
26, Jalan Segambut Pusat,  
51200 Kuala Lumpur.

## DARI MEJA DATUK BANDAR

Dalam masa 10 tahun yang lalu, Kuala Lumpur telah mengecap pembangunan pesat sehingga menjadi bandar dalam taman yang kita kagumi pada hari ini. Jalan-jalan raya disusuri tanaman menghijau dan bunga-bunga teduhan buatan dan semula jadi, kakilima dengan pokok-pokok bunga aneka warna dan bangunan-bangunan lama warisan jadikan Kuala Lumpur antara pusat bandar yang tercantik dan terbersih di dunia.

Saya pasti kita semua berbangga dengan kecantikan dan kebersihan ibukota kita dan ingin melihat lebih banyak kemajuan yang dapat meninggikan lagi mutu penghidupan yang kita nikmati pada hari ini. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan terus berusaha dengan gigih untuk mewujudkan alam persekitaran yang sihat untuk kira-kira 1.5 juta wargakota.

Projek terbaru yang sedang dilaksanakan untuk peminat-peminat alam semula jadi, senaman riang dan anak-anak remaja ialah Taman Tasik Permaisuri. Ia merupakan taman bunga terbesar yang dilengkapskan dengan pelbagai kemudahan seperti lorong jogging dan sirkit untuk senaman riang. Setakat ini, DBKL telah membelanjakan kira-kira \$10 juta untuk pembangunannya.

Sebuah Laman Puteri dibina di dalamnya sebagai penghormatan kepada Sultanah Johor, DYMM Tunku Hajjah Zanariah Tengku Ahmad (Raja Permaisuri Agong ke-8).



Kedatangan pelawat disambut oleh pancutan air berirama yang menyerikan lagi keindahan alam semulajadinya. Kami bercadang untuk membina rumah-rumah kos sederhana dan kos tinggi di sekeliling Taman Tasik Permaisuri untuk memberi peluang kepada wargakota menikmati kemudahan-kemudahan rekreasi yang berdekatan dengan mereka.

Banyak lagi taman seperti ini dirancang dalam pelan pembangunan di masa hadapan. Malah, bila projek Tasik Desa siap dalam masa empat bulan lagi, Kuala Lumpur akan mempunyai taman air yang terbesar di Asia Tenggara. Ia mengandungi kompleks akuarium bawah air, dunia mikro, tangki sentuhan, restoran terapung, kedai-kedai cenderamata dan panggung mini.

Ini hanya merupakan sebahagian daripada projek-projek DBKL untuk meninggikan lagi taraf Kuala Lumpur. Dalam pada kami membuat sumbangan-sumbangan ini, kami akan berusaha untuk mengingatkan wargakota bahawa mereka juga mempunyai peranan penting untuk menjaga keindahan dan kebersihan bandar dalam taman ini, supaya menjadi bandar yang kita semua boleh banggakan. •



More parks being planned for Kuala Lumpur.

medium and high cost houses around Taman Tasik Permaisuri to give city folks an opportunity to enjoy recreational facilities at their doorstep.

There are more parks earmarked in future development plans. In fact, in four months time, Kuala Lumpur will have the largest water theme park in Southeast Asia when the Tasik Desa recreational project is completed. There will be an underwater aquarium complex, micro world, touch tank, a floating restaurant, souvenir shops and mini theatrette.

These are just some of City Hall's projects for a better Kuala Lumpur. While we make these contributions we will also strive to remind our residents that they have a vital role in maintaining this garden city, one that we can all be proud of. •

## FROM THE DESK OF DATUK BANDAR

*Over the past 10 years Kuala Lumpur has undergone tremendous development to become the garden city as it is today. Streets lined with greenery and flowers, natural and man made green belts, colourful floral embankments, heritage buildings ... have made Kuala Lumpur one of the cleanest and most beautiful urban city centres in the world.*

*I am sure we are all proud of this city and would like to see more developments which will further enhance the quality of life we enjoy presently. On its part, City Hall will diligently continue its efforts to create a healthy environment for the estimated 1.5 million city residents.*

*The latest project created for nature lovers, fitness buffs and the young, is Taman Tasik Permaisuri. This is the biggest park with various facilities such as a jogging track and par course fitness circuit. So far, City Hall has spent some \$10 million to develop this park.*

*We also have in this park a Malay Royal Garden built in honour of the Sultanah of Johore, DYMM Tunku Hajjah Zanariah Tengku Ahmad (the eighth Raja Permaisuri Agong). Here, visitors are not only greeted by nature's beauty but the melodious sounds of musical fountain. We plan to build*